



**AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA
MARITIM NEGERI SABAH & W.P LABUAN**

Jabatan Perdana Menteri
Bayview Court
No.1, Jalan Burung Upih,
Signal Hill,
Beg Berkunci 2059
Kota Kinabalu Sabah



Tel : 088-524 600 / 088-270 165
Faks : 088-270 104 (PMN)
088-270 105 (PUSOP)
088-270 107 (Pentadbiran)

SIARAN MEDIA

2 BUAH BOT TUNDA SIRING DI TAHAN

KOTA KINABALU, 10 OKTOBER - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Maritim Negeri Sabah telah menahan 2 buah Bot Nelayan Tempatan bersama 2 orang tekong dan 10 orang awak-awak warga Indonesia dalam satu Operasi Khas semalam.

Semasa melaksanakan Operasi Khas, bot samaran Maritim Malaysia telah mengesan 2 buah bot tempatan yang bernombor SJN 00439F dan PR 2255/2/F yang sedang melakukan aktiviti menangkap ikan diposisi 1.9 BN Pantai Shahbandar dan 2.1 BN Tg. Lok Pisuk pada lebih kurang 3 pagi tadi. Hasil pemeriksaan mendapati kedua-dua bot tersebut telah melanggar syarat lesen kerana menunda bawah 3 BN.

Pengarah Maritim Negeri Sabah dan W.P Labuan, Laksamana Muda Maritim Dato' Mohd Zubil bin Mat Som menyatakan, Kedua-dua bot dan awak-awak telah ditahan dan dibawa ke Jeti ZM Kota Kinabalu untuk diserahkan kepada Pegawai Penyiasat dan tindakan selanjutnya. Kes ini disiasat di bawah Akta Perikanan 1985.

Menurut beliau lagi, tangkapan ini berhasil daripada pemantauan yang dilakukan berterusan dan laporan Pusat Pengawasan Laut Maritim Negeri Sabah keatas kawasan tumpuan dimana aktiviti ini sering dilakukan oleh bot-bot nelayan yang ingkar dan telah mengabaikan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Aduan orang awam juga salah satu daripada maklumat yang amat diambil berat oleh pihak APMM agar tindakan segera dapat dilakukan bagi membenteras perkara ini bersama.

Beliau menyeru kepada semua orang awam terutamanya komuniti maritim untuk terus menyalurkan sebarang maklumat sekiranya terdapat apa-apa aktiviti yang mencurigakan melalui saluran yang betul dengan memaklumkan pihak Maritim Malaysia dengan kadar segera.

Disamping itu beliau juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada komuniti maritim yang terus memberi kerjasama dengan menyalurkan maklumat untuk menangani isu ini. Tambah beliau lagi, orang awam dimohon menyalurkan maklumat segera bagi menghalang kegiatan mencuri hasil laut di perairan negara. Sebarang maklumat dan aduan boleh menghubungi Pusat Operasi MN Sabah 088-270165 atau MERS 999 bagi memaklumkan sebarang kes kecemasan di laut.

-TAMAT-

Sebarang pertanyaan, sila berhubung:

Leftenan Muda Maritim Nuraisyah Najwa Mehip Abdullah
Pegawai Perhubungan Awam MN.Sabah
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia

Tel: 012-8599056

Fax: 088-270165